# PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE

Kempas Views Sdn. Bhd. herewith referred to as “Kempas Medical Centre” or “KMC” would like to inform you that we respect and are committed to protect your personal data and information in accordance with the laws of Malaysia. This Personal Data Protection Notice applies to any person whose personal data is processed and / or disclosed by KMC.

According to the Personal Data Protection Act 2010 (PDPA 2010), the act which regulates the processing of personal data for the purposes of commercial transactions, it require us (referred to as “user data”) to inform you about your rights related to your personal data that has been or are further processed by our company and your rights as a “data subject” of your personal data.

## 1. Type of Personal Data

Personal data is any information related to commercial transactions that is directly or indirectly related to you which has been collected or provided to KMC for the purposes specified in Section 2 of PDPA 2010.

Your personal information may include name, identity card number, contact details, financial details and bank accounts, race, nationality, sensitive personal data such as medical information, information on video and / or audio (including voice, voice recording, CCTV, and security recording), image (including images), biometric information, location tracking / GPS information and any information about you that you have provided to KMC by using registration or application form and / or any information related to you that has been or may be collected, stored, used, processed by KMC from time to time.

## 2. Personal Data Sources

Your personal data is collected by KMC directly from you (as patient / future patients / clients, vendors / suppliers / service providers, independent consultants / future independent consultant) or indirectly from third parties that are valid in law (family members, relatives, agents or employers or credit reference agents) via the application form, questions and / or registration of completed forms via various ways (including an online or physical copy) in public places or at our premise. Your personal information may also be collected from cookies through the use of our website.

## 3. Obligatory Personal Information

All information requested in the relevant forms is obligatory to be provided unless stated otherwise. Failure to provide the required information will result in failure to process your request and / or failure to provide you with related services and / or failure to continue our business with you. You are responsible to provide us with complete information which is accurate, not misleading and updated from time to time when necessary.

## 4. Purposes of Collecting and Further Processing (including Disclosure) of your Personal Information

For any customers or future customers, independent consultants or future independent consultants, vendors, suppliers, or service providers:

Your personal information is collected and further processed by KMC as required or permitted by law and to carry out commercial transactions requested, include but not limited to the following:

- To process your requested medical services;
- To facilitate your participation in any contests or event;
- To administer and communicate with you in relation to our services and / or our events;
- To facilitate your medical practice within KMC including sharing your personal data with other independent consultants within KMC for evaluation purposes;
- To administer and communicate with you regarding your medical practice;
- To process your credit account application;
- To assess your credit worthiness;
- To administer and give effect to your commercial transactions (tenders, contracts for services, consignment agreements);
- To process any payment relevant to you;
- For the purposes of insurance;
- To take proceedings against the debtor to recover the debt;
- To report the personal data to the relevant authorities and / or third parties under the governing law related to the health care industry;
- For the delivery and registration of forms, licenses related to the authorities concerned and / or third parties under the law which is related to the health care industry;
- To share personal data for the purposes of banking facilities, signed documents and accounting laws;
- To apply for visas to travel overseas;
- To administer our premises in a manner which is physically safe, secure and appropriate to the needs of health and safety;

- For internal investigations, audit and security purposes;
- For the purpose of purchasing goods, outsourcing services, new developments and others;
- To conduct internal marketing analysis and analysis of patterns and customer preferences;
- To comply with KMC's legal regulatory and obligations in the course of its business;
- To contact you regarding products, services, upcoming events, promotions, advertisement, marketing and commercial materials which we feel may interest you;
- To administer and provide feedback on requests, questions, complaints or legal issues;
- To ensure that the content from our website is shown in the most effective way for you and your computer and / or device;
- For any KMC's internal record management, events and activities related to customer relationships and customer loyalty reward program; and
- For any other purpose incidental to or extended from the aforementioned purposes.

Under situation where you have indicated your consent to receive marketing or promotional updates from KMC, you can choose otherwise at any time.

## 5. Disclosures or Transfers of Personal Data

Your personal data provided to us may be processed by entities (from in and outside of Malaysia) within KMC, as well as from other third parties, where relevant; as following:

- Kempas Medical Centre and companies as well as external service partners (as defined in the Companies Act 1965)
- The Ministry of Health or any other statutory or non-statutory authorities or bodies having authority or jurisdiction established by the MOH and other relevant government departments or agencies;
- Healthcare institutions or private third-party health care institutions of government;
- Other healthcare institutions (as defined in the PDPA 2010);
- Other private and government hospitals;
- Related accreditation bodies such as Malaysian Society for Quality in Health (MSQH);
- Our independent consultants and specialists within KMC;
- Your insurers company, a third party administrator who was appointed and / or any care organization designated by the insurer or employer;
- Debt collection authorities and agencies and banking institutions;

- In the case of pre-employment medical examination, to the patient’s employer / prospective employer;
- Third parties appointed by us to provide services to us or on our behalf (such as auditors, lawyers, company secretaries, printing companies, consignment sellers, contractors, sponsors conferences / events, counselors other advisors, and insurance companies);
- The respective embassies of foreign patients who received treatment in KMC;
- Family and next of kin;
- To other parties as may be permitted under the laws of Malaysia; and
- To any party which KMC may deem necessary.

## 6. Website

The contents in KMC’s website may include links to third party websites. Please take note that KMC will not be responsible for the collection, usage, maintenance, sharing or disclosure of data and information by such third parties. If you provide information directly to those websites / third parties, the privacy policy and terms of service on those sites are applicable and KMC is not responsible for the information processing practices or privacy policies of such sites.

Kempas Medical Centre may use cookies and similar tools across our website to enhance your user experience. Certain cookies may contain personal data - for example, if you click to 'remember me' when logging in, a cookie will store your username.

Most cookies will not collect information that identifies you, and instead will collect general information such as to how users arrive and use our website or user's general location. Where personal data is collected, such personal data will only be used for its intended purpose only, namely to respond to your message or provide the requested service.

## 7. Right to Access and Update of Personal Data

We will make every endeavor to ensure that the personal data we hold about you is accurate, complete, not misleading and up-to-date. If there are any changes to your personal data or if you believe that your personal data is inaccurate, incomplete, misleading and out of date, please contact us so that we may take necessary action to update your personal data.

You have the right to access your personal data. We recommend that you make a written request for the access or amendment of your personal data (subject to certain exceptions) held by KMC. We may also take steps to verify your identity before fulfilling your request to access your personal data.

According to the Personal Data Protection Act (PDPA) 2010:

- Depending on the information requested, we may charge a fee as stipulated in the First Schedule (Regulation 2) Personal Data Protection Regulations (Fees) 2013 in order to process your application to access or to request a copy of your personal data.

- We may refuse to comply with your request to access or make amendments in accordance with Section 32 of PDPA 2010.

## 8. Private Healthcare Facilities and Services Act 2006

Please note that the manner in which KMC process your personal data will also be subjected to other industry laws and specific guidelines to Kempas Medical Centre, such as Private Healthcare Facilities and Services Act 2006 (AKPJKS), the guidelines set by the Ministry of Health and others.

Your right to access your personal data may be limited if it is covered under any other law. For example, access to medical records will be in accordance with Section 115 of Private Healthcare Facilities and Services Act 2006.

## 9. Amendments

We may amend this Privacy Protection Notice at any time without prior notice and will notify you of any such amendment through our website or emails. This latest version will be used to replace any and all previous versions including brochure version or hard copy.

## 10. How to Contact Us

Please contact us through any of the following methods if you have any enquiries or complaints in respect of your personal information;

Address: LOT PTD 7522, JLN. KEMPAS BARU, 81200 JOHOR BAHRU, JOHOR

Attention:
Admin Department

Tel. No: 07-2368 999 ext. 8308/8052
Fax No: 07-2368 222

Email Address: info@kempasmedical.com
Website: www.kempasmedical.com

# <u>NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI</u>

Kempas Views Sdn. Bhd. adalah dengan ini dirujuk sebagai "Hospital Pakar Kempas" atau "KMC" ingin memaklumkan kepada anda bahawa kami menghargai dan komited untuk melindungi data peribadi dan maklumat anda selaras dengan undang-undang Malaysia. Notis Perlindungan Data Peribadi ini terpakai bagi mana-mana pihak yang data peribadinya diproses dan / atau dizahirkan oleh KMC.

Mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP 2010), akta ini mengawal selia pemprosesan data peribadi untuk tujuan transaksi komersial yang memerlukan pihak kami (disebut sebagai "pengguna data") untuk memaklumkan kepada anda tentang hak-hak anda berhubungan dengan data peribadi anda yang telah atau sedang diproses selanjutnya oleh kami dan hak-hak anda sebagai "subjek data" terhadap data peribadi anda.

## 1. Jenis Data Peribadi

Data peribadi adalah sebarang maklumat yang berkenaan dengan transaksi komersial yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan anda yang dikumpul atau dibekalkan kepada KMC bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 2 APDP 2010.

Maklumat peribadi anda boleh termasuk nama, nombor kad pengenalan, butir-butir perhubungan, butir-butir kewangan dan akaun bank, bangsa, kewarganegaraan, data peribadi sensitif seperti maklumat perubatan, maklumat dalam format video dan / atau audio(termasuk suara, rakaman video, CCTV, dan rakaman keselamatan), imej (termasuk gambar), maklumat biometrik, penjejakan lokasi / maklumat GPS dan apa-apa maklumat berkenaan dengan anda yang anda berikan kepada KMC semasa pendaftaran atau dalam borang permohonan dan / atau apa-apa maklumat berkaitan anda yang telah atau mungkin dikumpul, disimpan, digunakan dan diproses oleh KMC dari semasa ke semasa.

## 2. Sumber Data Peribadi

Data peribadi anda dikumpul oleh KMC secara langsung daripada anda (seperti pesakit/ bakal pesakit/ pelanggan, penjual/pembekal/ penyedia perkhidmatan, perunding bebas/ bakal perunding bebas) atau secara tidak langsung daripada pihak ketiga yang sah di sisi undang-undang (ahli keluarga, kaum kerabat, ejen-ejen atau majikan-majikan atau ejen rujukan kredit) melalui borang permohonan, pertanyaan dan / atau pendaftaran yang telah siap diisi melalui pelbagai cara (termasuk salinan secara online atau fizikal) di tempat-tempat awam atau di premis kami. Maklumat peribadi anda juga boleh dikumpul daripada *cookies* melalui penggunaan laman web kami.

## 3. Maklumat Peribadi Wajib

Semua maklumat yang diminta dalam borang-borang yang berkaitan adalah wajib untuk anda bekalkan melainkan dinyatakan sebaliknya. Kegagalan untuk membekalkan maklumat wajib akan menyebabkan permintaan anda tidak dapat diproses dan / atau menyediakan anda perkhidmatan yang berkaitan atau meneruskan urusan kami dengan anda. Anda bertanggungjawab untuk memberikan maklumat lengkap, betul serta tidak mengelirukan kepada pihak kami dan mengemaskini dari semasa ke semasa apabila diperlukan.

## 4. Tujuan-tujuan Pengumpulan dan Pemprosesan Lanjut (termasuk penzahiran) Maklumat Peribadi Anda

Untuk pelanggan atau pelanggan berpotensi, perunding bebas atau perunding bebas berpotensi, vendor, pembekal atau penyedia perkhidmatan:

Maklumat peribadi anda dikumpul dan diproses selanjutnya oleh KMC seperti yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang dan untuk melaksanakan transaksi komersial yang diminta, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut::

- Untuk memproses perkhidmatan-perkhidmatan yang diminta;
- Untuk membolehkan penglibatan anda dalam mana-mana pertandingan atau acara;
- Untuk mengendali dan berkomunikasi dengan anda berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan dan/atau acara-acara kami;
- Untuk membolehkan amalan perubatan anda dalam KMC termasuk berkongsi data peribadi anda dengan perunding bebas lain dalam KMC untuk tujuan penilaian;
- Untuk mengendali dan berkomunikasi dengan anda berkenaan dengan amalan perubatan anda;
- Untuk memproses permohonan akaun kredit anda;
- Untuk menilai kebolehpercayaan kredit anda;
- Untuk mentadbir dan memberi kesan kepada transaksi komersial anda (pemberian tender, kontrak untuk perkhidmatan, perjanjian konsainan);
- Untuk memproses mana-mana bayaran yang berkenaan dengan anda;
- Untuk tujuan-tujuan insurans;
- Untuk menjalankan prosiding terhadap penghutang bagi mendapatkan semula hutang;
- Untuk melaporkan data peribadi kepada pihak berkuasa dan/atau pihak-pihak ketiga di bawah undang-undang yang berkaitan dengan industri jagaan kesihatan;
- Untuk penghantaran dan pendaftaran borang-borang, lesen-lesen yang berkaitan kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan dan/atau pihak-

pihak ketiga di bawah undang-undang yang berkaitan dengan industri jagaan kesihatan;
- Untuk berkongsi data peribadi bagi tujuan kemudahan perbankan, menandatangani dokumen-dokumen undang-undang dan perakaunan;
- Untuk memohon visa-visa perjalanan dalam keadaan perjalanan ke luar negara;
- Untuk mengendali premis kami dalam suatu cara yang selamat secara fizikal, terjamin dan bersesuaian dengan keperluan-keperluan kesihatan dan keselamatan;
- Untuk siasatan dalaman, audit dan tujuan-tujuan keselamatan;
- Bagi tujuan pembelian barangan, perkhidmatan sumber luar, pembangunan baru dan lain-lain;
- Untuk melakukan analisis pemasaran dalaman dan analisis corak dan pilihan pelanggan;
- Untuk mematuhi tanggungjawab undang-undang dan kawal selia KMC dalam perjalanan perniagaannya;
- Untuk menghubungi anda berkenaan produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan, acara-acara akan datang, promosi, pengiklanan, pemasaran dan bahan-bahan komersial yang kami rasa dapat menarik anda;
- Untuk mentadbir dan memberi maklumbalas mengenai permintaan, pertanyaan, aduan atau isu undang-undang;
- Untuk memastikan kandungan laman web kami ditunjukkan dalam cara yang paling berkesan untuk anda dan komputer dan/atau peranti anda;
- Untuk pengurusan rekod dalaman KMC, acara dan aktiviti hubungan pelanggan dan program ganjaran kesetiaan pelanggan; dan
- Untuk apa-apa tujuan lain yang bersampingan dengan atau berlanjutan daripada tujuan yang dinyatakan di atas.

Dalam keadaan anda telah menyatakan persetujuan anda untuk menerima kemas kini pemasaran atau promosi dari KMC, anda boleh memilih untuk tidak menerima sebarang bahan pemasaran atau bahan promosi pada bila-bila masa.

## 5. Pendedahan dan Pemindahan Data Peribadi

Data peribadi anda yang dibekalkan kepada kami mungkin diproses oleh entiti-entiti dari dalam dan luar Malaysia serta pihak-pihak ketiga seperti:

- Kempas Medical Centre dan syarikat-syarikat serta rakan kongsi khidmat luaran (sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965)
- Kementerian Kesihatan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa atau badan berkuasa atau yang memiliki bidang kuasa yang berkanun atau tidak berkanun yang ditubuhkan oleh Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan atau agensi-agensi kerajaan berkaitan yang lain, pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi bukan kerajaan;

- Institusi-institusi penjagaan kesihatan swasta pihak ketiga atau institusi-institusi penjagaan kesihatan kerajaan;
- Professional jagaan kesihatan (sebagaimana yang ditakrifkan dalam APDP 2010);
- Hospital-hospital swasta dan kerajaan yang lain;
- Badan-badan akreditasi yang berkaitan seperti Malaysian Society for Quality in Health (MSQH);
- Perunding-perunding bebas dan pakar perubatan kami dalam syarikat yang anda telah memberikan maklumat peribadi kepada;
- Syarikat insurans anda, pentadbir pihak ketiga yang telah dilantik dan/atau mana-mana organisasi jagaan yang ditetapkan oleh syarikat insurans atau majikan anda;
- Pihak-pihak dan agensi-agensi pemungut hutang, institut-institut perbankan;
- Dalam kes pemeriksan kesihatan pra-penggajian, kepada majikan / bakal majikan pekerja;
- Pihak-pihak ketiga yang kami lantik untuk membekalkan perkhidmatan kepada kami atau bagi pihak kami (seperti juruaudit, peguam-peguam, setiausaha-setiausaha syarikat, syarikat-syarikat percetakan, penjual-penjual konsainan, kontraktor, penganjur-penganjur persidangan/acara, penasihat-penasihat lain, dan syarikat-syarikat insurans);
- Kedutaan masing-masing bagi pesakit-pesakit asing yang menerima rawatan di KMC;
- Keluarga dan keluarga terdekat;
- Kepada pihak-pihak lain yang dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia; dan
- Kepada mana-mana pihak yang KMC fikirkan perlu.

## 6. Laman Web

Kandungan dalam laman web KMC mungkin termasuk pautan kepada laman web pihak ketiga. Sila ambil perhatian bahawa KMC tidak akan bertanggungjawab terhadap pengumpulan, penggunaan, penyelenggaraan, perkongsian atau pendedahan data dan maklumat oleh pihak ketiga tersebut. Jika anda memberikan maklumat secara langsung kepada laman-laman web tersebut, dasar privasi dan syarat-syarat perkhidmatan di laman web tersebut akan diguna pakai dan KMC tidak bertanggungjawab untuk amalan pemprosesan maklumat atau dasar privasi laman-laman tersebut.

Kempas Medical Centre mungkin menggunakan *cookies* dan peralatan yang sama di seluruh laman web kami untuk meningkatkan pengalaman pengguna anda. *Cookies* tertentu boleh mengandungi data peribadi - sebagai contoh, jika anda klik untuk ‘ingat saya’ apabila log masuk, sesuatu cookie akan menyimpan nama pengguna anda.

Kebanyakan *cookies* tidak akan mengumpul maklumat yang mengenal pasti anda, dan sebaliknya akan mengumpul maklumat umum yang lebih spesifik seperti bagaimana pengguna tiba dan menggunakan laman web kami atau lokasi umum pengguna. Di mana data peribadi dikumpul, data peribadi tersebut hanya akan digunakan untuk tujuan yang dimaksudkan sahaja, iaitu untuk bertindak balas terhadap mesej anda atau memberikan perkhidmatan yang diminta.

## 7. Hak untuk Mengakses dan Meminda Data Peribadi

Kami akan mengambil langkah yang terbaik untuk memastikan agar data peribadi yang kami simpan mengenai anda adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini. Jika terdapat sebarang perubahan atau anda percaya bahawa data peribadi anda adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan dan tidak terkini, sila hubungi kami agar kami dapat mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengemaskini data peribadi anda.

Kami ingin mencadangkan anda untuk membuat permohonan bertulis untuk mengakses atau meminda data peribadi anda (tertakluk kepada beberapa pengecualian tertentu) yang disimpan oleh KMC. Kami juga mungkin akan mengambil langkah-langkah keselamatan untuk mengesahkan identiti anda sebelum memenuhi permohonan anda untuk mengakses data peribadi anda.

*Menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP*):

- Bergantung kepada maklumat yang dimohon, kami mungkin mengenakan bayaran selaras dengan Jadual Pertama (Peraturan 2) Peraturan-peraturan Perlindungan Data Peribadi (Fi) 2013 untuk memproses permohonan anda untuk mengakses data peribadi atau memohon salinan data peribadi anda.

- Kami boleh menolak permohonan anda untuk mengakses atau membuat pembetulan selaras dengan Seksyen 32 dalam APDP 2010.

## 8. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 2006

Sila ambil perhatian bahawa cara di mana KMC memproses data peribadi anda adalah tertakluk kepada undang-undang dan garis panduan khusus kepada Kempas Medical Centre. Antaranya seperti Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 2006 (AKPJKS), garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan lain-lain.

Hak anda untuk mengakses data peribadi boleh dihadkan jika ia tertakluk di bawah mana-mana undang-undang lain. Sebagai contoh, akses kepada rekod perubatan akan selaras dengan Seksyen 115 dari Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta dan Akta Perkhidmatan 2006.

## 9. Pindaan

Kami mungkin akan meminda Notis Perlindungan Peribadi ini pada sebarang masa tanpa notis terlebih dahulu dan akan memberitahu anda tentang sebarang pemindaan sebegitu melalui laman web kami atau emel. Versi terkini ini akan digunakan dan menggantikan mana-mana dan semua versi sebelumnya termasuk versi risalah atau salinan keras.

## 10. Hubungi Kami

Sila hubungi kami melalui mana-mana kaedah berikut jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan maklumat peribadi anda;

Alamat: LOT PTD 7522, JLN. KEMPAS BARU, 81200 JOHOR BAHRU, JOHOR

Untuk perhatian:
Jabatan Pentadbiran

Tel. No: 07-2368 999 ext. 8308/8052
Fax No: 07-2368 222

Alamat e-mel: info@kempasmedical.com
Laman web: www.kempasmedical.com